

## HAKMILIK PERSENDIRIAN ISLAM, PASAR BEBAS DAN EKONOMIMIKRO\*

MANSOR JUSOH

### SYNOPSIS

*This article attempts to examine Islamic property rights as an economic institution. It is found that the Islamic institution of property rights is well-defined and its definition and implementation have resulted in its own system of resource allocation; a free market for resources that could easily be defined as private property and a separate system for resources which could not likewise be defined as such or that the maintenance and enforcement costs of this right are very high. According to Coase's theorem the above situations will ensure optimum allocation and utilization of resources. The field of microeconomy is also found to be relevant to the Islamic free market. The use of relevant microeconomic approach, that is after the Islamic private ownership has been closely defined and enforced, is found to be similar to the approach of conventional microeconomy. On the other hand, the approach taken by several Islamic writers in viewing that microeconomy should be based on ideal human nature is found to be inappropriate and unnecessary.*

### SINOPSIS

*Makalah ini meninjau hakmilik harta di dalam Islam sebagai suatu institusi ekonomi. Dari tinjauan ini didapati institusi hakmilik Islam adalah tertakrif dan penakrifan serta perlaksanaannya membawa kepada suatu sistem pengagihan sumber-sumber yang tersendiri; sebuah pasar bebas bagi sumber yang boleh ditakrif hakmilik persendirian ke atasnya dan suatu sistem tersendiri terhadap sumber yang hakmilik persendirian ke atasnya sukar ditakrif atau kos mengendali dan menguatkuasa hakmilik ini adalah cukup*

---

\*Sumbangan dari ahli-ahli Fakulti Ekonomi, UKM di dalam memperbaiki mutu makalah ini sangat-sangat dihargai. Kesilapan dan kelemahan yang masih ada, bagaimanapun, adalah tanggungjawab penulis.

*tinggi. Berdasarkan teorem Coase keadaan ini menjamin pengagihan dan penggunaan sumber yang optimum. Bagi pasar bebas Islam bidang ekonomimikro adalah berkaitan. Penggunaan pendekatan ekonomimikro yang sesuai ke atas hakmilik persendirian Islam, yakni setelah ianya ditakrif rapi dan dikuatkuasakan, adalah sama seperti pendekatan ekonomimikro konvensional. Pendekatan kebanyakan penulis Islam yang menganggap ekonomimikro patut didekati berdasarkan sifat-sifat manusia salih yang unggul adalah tidak sesuai dan juga tidak diperlukan.*

## PENDAHULUAN

Makalah ini merupakan satu tinjauan berkenaan sistem hakmilik harta Islam. Di sini, apa yang akan dilihat ialah bagaimana hakmilik sebagai satu institusi ekonomi berkait dan berperanan mempengaruhi sistem ekonomi Islam dan pendekatan ke atasnya. Kaedah tinjauan yang digunakan di sini adalah berdasarkan kepada beberapa fahaman yang ringkasnya adalah seperti berikut: pertama, berkenaan hubungan di antara ideologi dan sistem ekonomi. Dalam hal ini, adalah difahamkan bahawa sesuatu sistem ekonomi itu seharusnya terbentuk berdasarkan ideologi; yakni adalah di anggapkan bahawa di dalam sesuatu masyarakat, sistem nilai masyarakat tersebutlah yang berfungsi sebagai kekangan-kekangan dalam mana implikasi dari tindakan dan interaksi individu ditentukan. Kedua ialah mengenai konsep teori ekonomi. Ianya difahamkan sebagai satu alat analisis yang bertujuan membina dan menjelas hipotesis-hipotesis berkenaan kelakuan ekonomi, dan menyedari hakikat bahawa kelakuan ekonomi itu adalah saling berkait, membuat analisis terhadap implikasi dari hubungan kelakuan tersebut. Di sini, teori ekonomi adalah satu kaedah, bukannya satu doktrin, yang membolehkan penggunaanya membuat kesimpulan sebab — dan akibat hubungan peristiwa ekonomi harian. Penggunaan teori ekonomi adalah bebas dari nilai walhal kesimpulan darinya membawa implikasi tertentu terhadap sistem nilai yang mendokong masyarakat yang dianalisis.

Hakikat bahawa sesuatu sistem ekonomi seharusnya dilihat dari sudut ideologi adalah diakui oleh para penulis berkenaan ekonomi Islam. Mereka beranggapan bahawa di dalam usaha mengkaji sistem ekonomi Islam ianya seharusnya dimulakan dengan pemahaman terhadap nilai-nilai etika Islam yang berkaitan dengan ekonomi.<sup>1</sup> Atas dasar inilah mereka menolak sistem ekonomi ini. Sistem ekonomi usaha bebas (atau sistem kapitalis), misalnya, tidak diterima oleh kerana sistem nilai yang membendung sistem

ini bercanggah dengan sistem nilai Islam. Sementara itu, sistem ekonomi anjuran Karl Marx ditolak atas alasan bahawa sistem ini dibentuk dengan anggapan bahawa keadaan ekonomilah yang menguasai sistem nilai — satu hakikat yang tidak dapat diterima oleh penulis-penulis Islam.<sup>2</sup>

Kecenderungan di dalam memementingkan sistem nilai bagaimanapun menyebabkan cara pendekatan kini yang mungkin bersifat universal juga ditolak oleh kebanyakan penulis Islam. Mereka ini, sebaliknya mendekati sistem ekonomi Islam dari sudut halal-haramnya sesuatu kegiatan ekonomi.<sup>3</sup> Pendekatan sebegini tidak lengkap. Ianya hanya berupaya memberi gambaran latar sesuatu yang unggul tetapi gagal untuk menjelaskan hubungan-hubungan kelakuan hari-hari di dalam suatu sistem ekonomi. Berkait dengan hal ini juga, pendekatan berkenaan melupai keperluan objektiviti sesuatu kajian ekonomi. Di dalam membentuk teori ekonomi apa yang ditekankan oleh pendekatan tersebut ialah apa yang patut berlaku bukannya untuk memperolehi gambaran sebenar kelakuan-kelakuan yang menentukan peristiwa ekonomi yang berlaku. Pendekatan ekonomi yang diajukan, misalnya tidak mengambilkira sifat manusia semulajadi, malah digantikan dengan sifat kelakuan yang unggul yang hanya sesuai menjelaskan segelintir manusia. Adalah tidak dinafikan bahawa sistem ekonomi itu seharusnya berbentuk utopia. Akan tetapi, apabila untuk memperolehinya memerlukan satu masyarakat yang unggul maka sistem ini tidak lagi merupakan sistem yang praktikal. Bagaimana sukarnya 'mengalimkan' setiap manusia begitulah payahnya mewujudkan sistem ekonomi sedemikian; keberkaitan sistem tadi seharusnya dipersoalkan. Seperkara lagi ialah pendekatan tersebut sebagai pembentuk teori ekonomi juga mempunyai kelemahan. Teori ekonomi yang dilahirkan tidak akan berguna sebagai alat penjelas hubungan di antara peristiwa dan gagal memberi ramalan terhadap implikasi peristiwa harian. Ianya hanya sesuai memberi penjelasan terhadap masyarakat utopia dan peristiwa-peristiwa yang berlaku khusus di dalam masyarakat ini. Apabila sebahagian dari individu dalam masyarakat menyeleweng dari sifat-sifat unggul ini, teori tersebut gagal menjadi satu teori ekonomi yang sempurna.

Makalah ini mengajukan pandangan bahawa di dalam membentuk suatu sistem ekonomi Islam, sistem nilai Islam seharusnya berfungsi sebagai asas membentuk sistem, atau lebih tepat lagi, sebagai asas membentuk institusi di dalam sistem ekonomi tersebut. Institusi ekonomi apabila dibentuk, yakni apabila bentuk dan peraturan-peraturan berkaitan dengan institusi telah ditakrif rapi dan dikuatkuasakan, ianya akan menjadi kekangan terhadap hubungan-hubungan kelakuan. Kekangan-kekangan inilah yang menentukan

'apa yang patut berlaku' di dalam sesuatu masyarakat atau sistem ekonomi. Pembentukan teori ekonomi, seterusnya, wajar diasaskan kepada ciri-ciri yang bersifat umum yakni bebas dari anggapan-anggapan kelakuan yang unggul dan mengkhusus. Pendekatan sebegini dirasakan perlu oleh kerana di satu segi, lebih berupaya menghasilkan teori ekonomi yang menjelaskan peristiwa dan hubungan di antara peristiwa ekonomi yang sebenarnya berlaku seharian; sementara di satu segi yang lain, teori berkenaan boleh digunakan sebagai asas menguji keberkesanan kekangan-kekangan yang diwujudkan oleh institusi-institusi sistem ekonomi Islam.

Harus diingat bahawa sistem ekonomi Islam sebagaimana sistem ekonomi lainnya adalah luas bidang rangkulannya. Untuk membuat analisis setiap aspek sistem ini adalah tidak tercapai oleh makalah ringkas ini. Oleh itu, patutlah dinyatakan di awal-awal bahawa tinjauan yang dibuat hanyalah terhad kepada aspek asas ekonomimikro. Kedudukan institusi hakmilik harta Islam akan ditinjau implikasinya terhadap pembentukan teori ekonomimikro.

#### HAKMILIK PERSENDIRIAN ISLAM DAN EKONOMI PASAR

Suatu sumber produktif adalah satu harta persendirian jika, di dalam lingkungan had-had yang tertakrif rapi, pemiliknya mempunyai hak untuk:<sup>4</sup>

- 1/ mengenyepikan orang lain sehingga hanya beliau yang boleh membuat keputusan tentang penggunaannya,
- 2/ memperolehi pendapatan eksklusif dari penggunaannya dan
- 3/ menukar (dengan jualbeli atau sebagainya) sumber ini kepada sesiapa yang disukai.

Suatu sistem ekonomi yang berasaskan sistem hakmilik harta sebagaimana yang ditakrif di atas jelas merupakan satu sistem di mana setiap individu di dalamnya adalah pemilik harta; sekurang-kurang satu harta, yakni tenaga buruhnya sendiri, dan individu tersebut bebas membuat ikatan dengan individu lain tentang penggunaan dan penghasilan dari harta tersebut. Ikatan yang dimaksudkan boleh berbentuk kontrak jualbeli, kongsi kegunaan dari harta berkenaan atau kontrak dalam bentuk mengguna khidmat tenaga buruh orang lain untuk mengusaha dan memperolehi hasil dari harta berkenaan. Pemilik tenaga buruh, misalnya, bebas menawarkannya kepada orang lain atau firma yang disukai dan juga berhak menerima atau menolak tawaran upah dari firma atas apa alasan sekalipun. Begitu juga halnya dengan pemilik sumber-sumber produktif lain; beliau bebas menukarkan hakmilik ke atas

sumber tersebut dengan hakmilik ke atas sumber lain dan juga bebas meminta orang lain berusahasama memperolehi pendapatan dari sumber tersebut. Jadi, di dalam sistem ekonomi yang berdasarkan hakmilik persendirian ini akan wujud kegiatan ekonomi yang bercorak usaha bebas (*private enterprise*), yakni dalam bentuk urusaniaga secara kecil-kecilan di pasar minggu hinggalah kepada kegiatan memberi sewa, memberi pinjam, dan menubuhkan firma-firma dari yang kecil hinggalah kepada firma-firma berbentuk korporat.

Konsep hakmilik di atas memang boleh diambilkira untuk memberi takrif hakmilik dalam Islam. Bagaimanapun ianya tidak memadai. Pemahaman lanjut terhadap konsep hakmilik harta Islam harus juga berpandukan beberapa prinsip berikut:

1/ Allah yang mencipta setiap apa yang wujud di bumi dan Dialah yang mempunyai hak mutlak ke atasnya,<sup>5</sup>

2/ manusia adalah semulia-mulia makhluk dan seharusnya berkeutamaan, daripada kejadian Tuhan yang lain, ke atas ciptaan tersebut,<sup>6</sup>

3/ nikmat Tuhan adalah untuk seluruh umat manusia; jadi keutamaan individu adalah juga tertakluk kepada kepentingan umat manusia seluruhnya.

Beberapa natijah boleh diambil dari prinsip-prinsip di atas. Pertama, hakmilik ke atas sesuatu sumber adalah tidak mutlak — hanya Penciptanya sahaja yang layak mempunyai hak sedemikian. Kedua, walaupun bukan berbentuk mutlak, hakmilik individu ke atas sumber-sumber adalah diakui oleh Islam. Ketiga, hakmilik individu adalah terhad kepada peraturan-peraturan tertentu supaya hak-hak umat manusia seluruhnya juga diakui.

Hakmilik individu ke atas harta, walaupun bukan berbentuk mutlak dan bukan juga tidak bersyarat, adalah berbentuk hakmilik perseorangan. Kesimpulan yang diperolehi dari al-Quran menunjukkan bahawa sememangnya Islam menganjurkan hakmilik berbentuk demikian.<sup>7</sup> Setiap individu mempunyai hak untuk mengguna, hak untuk memperolehi pendapatan dari penggunaannya dan juga hak untuk mengikat kontrak urusaniaga (iaitu menukar hakmilik) ke atas sesuatu sumber. Ini boleh dilihat dari ayat-ayat al-Quran (yang bermaksud) berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah sebahagian dari rezeki (harta) yang telah Kami berikan kepadamu . . .”

(2: ayat 254)

“Dan bagi lelaki, bahagian dari apa yang mereka kerjakan; dan bagi perempuan, bahagian dari apa yang mereka kerjakan.”

(4: ayat 32)

“Wahai orang-orang beriman, jangan kamu ambil harta orang yang bukan hak kamu dengan cara yang haram kecuali melalui jualbeli yang antara kamu sama-sama bersetuju.”

(4: ayat 29)

Malah Islam juga menganjurkan supaya hak ke atas harta yang berbentuk persendirian itu dihormati dan dilaksanakan; maksud al-Quran.<sup>8</sup>

“Dan bagi satu tembok; ianya dimiliki oleh dua anak yatim dari satu bandar, yang di bawahnya terdapat harta kepunyaan mereka, dan bapa mereka seorang yang salih. Jadi, Tuhan kamu inginkan supaya mereka, apabila cukup dewasanya, mengambil harta kepunyaan mereka tersebut — yakni satu kurnia dari Tuhanmu.”

(18: ayat 82)

Hak untuk memiliki, mengguna, memperolehi hasil dari penggunaannya dan hak untuk menjual atau membeli ke atas sesuatu sumber diharuskan oleh Islam supaya dihormati bukan sahaja oleh individu tetapi juga oleh masyarakat.<sup>9</sup> Hak-hak ini juga adalah eksklusif dalam ertikata, orang lain, tanpa cara-cara yang sah (seperti urusniaga atau sebagainya) tidak mempunyai hak untuk menghapuskan hak tersebut. Al-Quran menyatakan, yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan (mengambil) harta sebahagian yang lain antara kamu dengan cara yang batil.”

(2: ayat 188)

dan Hadis<sup>10</sup> menyatakan:

“Barangsiapa merampas walaupun sekeping tanah (atau harta) yang kecil dari orang lain, akan disuruh, di akhirat kelak, memakai belunggu dari api neraka”.

Adalah jelas dari huraian tadi bahawa konsep hakmilik dalam Islam, apabila lingkungan-lingkungan had tertentu ditakrif (akan diberikan nanti), adalah memenuhi syarat-syarat definisi hakmilik yang telah diberikan di awal-awal tadi. Hakmilik harta dalam Islam, oleh itu, adalah suatu hakmilik persendirian. Sistem ekonomi seterusnya akan dicirikan oleh sistem hakmilik persendirian Islam, akan terdapat di dalam sistem ini aktiviti-aktiviti ekonomi yang bercorak usaha bebas.

Sebagaimana institusi-institusi lainnya, institusi hakmilik persendirian, di segi sifat dan strukturnya, juga tertakluk kepada sistem nilai-nilai ideologi yang mendukungnya. Sistem nilai memberikan pengaturan-pengaturan institusi, berupa undang-undang dan peraturan-peraturan, yang memberi bentuk dan struktur institusi tersebut. Pengaturan-pengaturan institusi juga membentuk set kekangan-kekangan dalam mana setiap individu melaksanakan

hak-hak masing-masing iaitu bertanding dan berinteraksi di dalam hal-hal berkait dengan kegiatan ekonomi. Dalam konteks institusi hakmilik persendirian, pengaturan-pengaturan institusi adalah sifat-sifat dan struktur hakmilik dan juga peraturan yang berkait dengan hal-hal mengikat kontrak dan menyusun organisasi yang tercipta dari struktur hakmilik tersebut. Pasar, misalnya, adalah satu pengaturan institusi bagi institusi hakmilik persendirian. Begitu juga halnya dengan firma. Ianya merupakan pengaturan institusi yang lahir secara otomatis dari institusi hakmilik persendirian.<sup>11</sup>

Sebagaimana yang disebut tadi, pengaturan institusi adalah khusus kepada sesuatu sistem nilai atau ideologi. Suatu institusi ekonomi akan menjadi unik kepada sesuatu ideologi (atau masyarakat) tertentu. Membuat kajian terhadap kelakuan ekonomi tidak akan lengkap jika tidak dilihat juga institusi yang menjadi kekangan terhadap kelakuan tersebut. Jadi, adalah difikirkan perlu untuk melihat institusi hakmilik Islam sebelum sesuatu analisis terhadap kelakuan ekonomi masyarakat yang mengikuti 'ideologi' Islam dapat dilakukan dengan lebih bermakna.

Mengikut kapitalisme, institusi, khususnya institusi ekonomi, harus difahamkan berdasarkan konsep kos; yakni kos yang berkait dengan perjalanan dan kendalian satu-satu institusi. Pembentukan institusi di dalam sistem ekonomi kapitalis<sup>12</sup> harus difahamkan sebagai penghasilan dari proses individu membuat pilihan. Mengikut fahaman ini, oleh kerana individu, ketakluk kepada kekangan-kekangan tertentu seperti pengaturan-pengaturan institusi politik, sosial dan lain-lain, akan memilih dari institusi-institusi yang mungkin institusi yang melibatkan kos yang minimum; atau dari berbagai bentuk pengaturan institusi, pengaturan institusi yang melibatkan kos institusi yang paling kurang, maka institusi yang wujud dalam sistem ini adalah gambaran gelagat individu; setelah institusi asas muncul, struktur dan pengaturan-pengaturan institusi akan ditentukan secara dalaman. Sebagai contoh perhatikan pembentukan firma. Coase (1937) memberi penekanan terhadap pentingnya kos kendalian sebuah pasar di dalam menjelaskan bagaimana firma wujud di dalam suatu pasar bebas. Mengikut beliau, oleh kerana terdapat kos yang besar untuk setiap pengeluar sejenis barang, bertanding meletak harga yang sesuai untuk barang masing-masing, maka akan timbul usaha menggabungkan pengeluar-pengeluar di dalam sebuah firma. Pengkhususan di dalam firma menentukan kos meletak harga ditanggung oleh badan tertentu firma; pengeluar dengan melepaskan hak ke atas barang ke luaran sebaliknya menerima upah. Jikalau dengan penerimaan upah pengeluar merasakan lebih baik dari mengeluarkan dan menjual

sendiri maka firma dengan sendirinya wujud. Satu contoh yang lain ialah berkait dengan kawasan penangkapan ikan di laut. Ianya tidak diletak di bawah hakmilik persendirian bukan kerana pengaturan institusi hakmilik menentukan demikian, akan tetapi oleh kerana kos menjadikannya hakmilik persendirian adalah tinggi. Kos institusi yang terlibat dalam hal ini termasuklah kos memberi takrif hakmilik dan kos menguatkuasa hakmilik tersebut. Jika hakmilik boleh ditakrif dengan kos yang sedikit dan kos menguatkuasaannya adalah kecil, maka di bawah sistem kapitalis, kawasan tangkapan ikan di laut akan diletakkan di bawah hakmilik persendirian.

Penentuan struktur institusi hakmilik persendirian Islam adalah berlainan. Untuk memahaminya harus dilihat dua fakta: Pertama, struktur hakmilik tertakluk kepada hukum Islam yang menentukan bukan sahaja sumber-sumber yang boleh dijadikan hakmilik persendirian tetapi juga yang menentukan pengaturan institusi; ini termasuklah hukum-hukum jualbeli. Keduanya, tidak semua aspek berinstitusi tertakluk kepada hukum-hukum ini; yakni sebahagian tertentu institusi hakmilik persendirian Islam adalah juga tertakluk kepada kelakuan individu membuat pilihan – dan dalam hal ini konsep kos adalah berkaitan.

Hukum-hukum yang menentukan struktur institusi secara luaran menentukan rangka asas institusi hakmilik persendirian dalam Islam. Beberapa contoh diberikan di sini.

1/ Sebahagian sumber produktif tidak boleh dijadikan hakmilik persendirian. Hasil kekayaan hutan, sumber air, sumber laut, tenaga dan galian ditetapkan supaya diletak di bawah hakmilik bersama.<sup>13</sup> Selain sumber ini, kesemuanya adalah sumber hakmilik perseorangan.

2/ Tanah adalah harta hakmilik perseorangan. Sewa ke atas tanah sepatutnya dibayar (dengan wang) mengikut ikatan kontrak yang terlebih dahulu ditetapkan; berkongsi hasil tanaman (sharecropping) mengikut kebanyakan ulama, adalah diharamkan. Upah pekerja kenalah dibayar mengikut kadar yang dipersetujui terlebih dahulu, yakni tidak boleh kadar upah dikaitkan dengan jumlah keluaran.

Tanah semulajadi tidak boleh menerima sewa, malah jika di biarkan tak produktif melebihi jangkamasa tertentu hakmilik ke atasnya gugur secara otomatis.

3/ Emas dan perak (dan wang) adalah hakmilik persendirian tetapi tertakluk kepada peraturan-peraturan khusus. Ianya tidak boleh dijualbeli secara bertangguh. Wang tidak berhak menerima pulangan jika pulangan tersebut adalah pasti (seperti kadar bunga). Ia hanya layak menerima pulangan jika pulangan tersebut



tak pasti dan tertakluk kepada risiko kerugian (dividen, misalnya). Institusi kadar bunga, malah, bukan ciri institusi hakmilik persendirian Islam.

4/ Barang-barang asasi seperti makanan adalah harta hakmilik perseorangan, akan tetapi menyimpan beku (hoarding) adalah haram. Malah makanan sepatutnya dikongsi (jadikan hakmilik bersama) jika terdapat kekurangan bahan-bahan ini.<sup>14</sup>

5/ Hakmilik persendirian adalah ke atas pendapatan. Tabungan atau harta (*wealth*), sebahagian darinya, adalah hakmilik orang-orang miskin dan orang-orang yang memerlukan; sekurang-kurangnya sekadar yang ditentukan oleh zakat.

6/ Barang-barang haram bukan barang hakmilik dalam Islam.

7/ Hakmilik adalah terhad kepada jangkamasa hayat pemiliknya. Sebahagian besar dari harta hakmilik adalah hak ahliwaris apabila hayat sipemilik sudah tiada; cuma sebahagian darinya sipemilik berhak mengagihkannya selepas hayatnya.

8/ Pihak berkuasa atau pemerintah berhak dan bertanggungjawab menjamin segala hukum dan peraturan yang ditetapkan, dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

Peraturan-peraturan atau hukum-hukum di atas memberikan rangka kepada struktur hakmilik persendirian Islam. Berbanding dengan pengaturan di dalam sistem kapitalis ianya adalah terperinci dan mengkhusus. Berdasarkan hakikat ini, walaupun ketentuan struktur institusi adalah lebih dari itu, dan yang selanjutnya itu adalah sama seperti di dalam sistem kapitalis; yakni juga ditentukan oleh individu melaksana pilihan, adalah jelas bahawa dua institusi hakmilik persendirian ini berbeza. Oleh itu, dengan sendirinya implikasi-implikasi terhadap sistem ekonomi daripada sistem hakmilik persendirian Islam dan kapitalis adalah juga berbeza.

Institusi hakmilik persendirian kapitalis membawa ke arah sistem ekonomi bebas tradisi *Laissez Faire*. Akan wujud dalam ekonomi ini pasar bebas dengan keperluan minimum campurtangan luar (kerajaan atau sebagainya). Kelemahan tradisi *Laissez Faire* tidaklah dinafikan walaupun oleh penyokong tradisi itu sendiri. Terdapat, sebagai contoh, kemiskinan yang ketara, pemusatan kuasa ekonomi di kalangan golongan tertentu (korporat yang besar dan kesatuan sekerja) dan juga penggunaan sumber yang merugikan generasi akan datang yang merupakan bukti kelemahan tradisi ini. Bagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa tradisi ini, di samping menjamin kos institusi yang minimum, menjamin penggunaan sumber yang optimum bagi kebanyakan sumber. Sementara itu, institusi hakmilik Islam juga membawa ke arah satu sistem ekono-

mi yang di dalamnya terdapat ciri-ciri tradisi *Laissez Faire*. Akan tetapi adalah jelas sebagai satu sistem ianya bukan sistem tradisi *Laissez Faire*. Struktur institusi menggariskan supaya sistem ekonomi usaha bebas ini tertakluk kepada kekangan-kekangan pengaturan institusi, yang sebahagiannya dijelaskan tadi, supaya sistem yang dilahirkan bebas dari kelemahan-kelemahan yang ditunjukkan oleh sistem usaha bebas. Sehubungan dengan ini adalah menarik jikalau dilihat teorem Coase.<sup>15</sup> Teorem ini menyatakan bahawa, jika sumber dilihat dari segi hak, dan jika hak-hak ke atasnya boleh ditakrif sebagai hak persendirian (atau eksklusif) tanpa kos, maka pasar bebas akan menghasilkan penggunaan sumber yang optimum. Satu daripada implikasi teorem ini ialah jika satu sumber tidak boleh ditakrif dengan jelas hakmilik ke atasnya, atau kos menakrif dan menguatkuasa hakmilik adalah cukup besar, maka pasar bebas tidak menjamin penggunaan dan pengagihan yang optimum. Jika dilihat sumber-sumber seperti air, hutan, laut dan galian ternyata adalah sukar untuk ditakrif hakmilik persendirian ke atasnya, jika boleh pun melibatkan kos yang tinggi. Kos untuk memeta dan memagar kawasan laut supaya penggunaannya adalah eksklusif adalah terlalu tinggi. Sumber hutan dan galian (termasuk tenaga) adalah sumber pakai habis; pilihan penggunaan adalah terhad dalam ertikata sekali digunakan maka generasi akan datang tidak lagi mempunyai peluang menggunakannya. Kos untuk menentukan penggunaan atau agihan optimum sumber-sumber ini adalah sukar (pilihan generasi akan datang sukar untuk dianggar). Meletak tanggungjawab memilih kepada individu tentunya menyebabkan penggunaan kini yang lebih dari patut akan sumber-sumber ini. Memandangkan kepada hakikat ini adalah wajar sumber-sumber seperti yang disebut ini dijadikan hakmilik bersama. Keselarian di antara teorem Coase dan peraturan-peraturan yang menjadi rangka asas institusi hakmilik Islam tidak seharusnya memeranjatkan. Islam sememangnya berpegang kepada prinsip penggunaan dan pengagihan yang optimum dan konsep optimum adalah meliputi juga dimensi masa.<sup>16</sup>

Kebanyakan sumber, yakni selain dari sumber yang khusus diletak di bawah hakmilik bersama, adalah merupakan sumber hakmilik persendirian. Sumber ini, seperti tanaga buruh, tanah dan sebagainya, bagaimanapun, tertakluk kepada pengaturan institusi hakmilik Islam; yakni sepertimana yang telah diberikan sebelum ini dan juga beberapa hukum jualbeli lainnya. Hakmilik ke atas harta-harta ini ternyata tidak sukar untuk ditakrif. Kos menguatkuasa hakmilik adalah juga minimal. Sekali lagi teorem Coase adalah berkaitan; yakni, apabila wujud kebebasan individu, sekurang-kurangnya di segi membeli atau menjual, maka individu akan

memilih dari pilihan-pilihan yang terbuka (pengaturan-pengaturan institusi menentukan pilihan-pilihan yang terbuka ini), pilihan yang memaksimumkan. Pertukaran (atau jualbeli) akan hanya berlaku apabila individu-individu yang terlibat memperolehi 'keuntungan' dari perbuatan demikian. Harus diingat bahawa pertukaran bukan semata-mata di segi barangan akan tetapi adalah pemindahan hakmilik ke atas barangan tersebut – ianya hanya berlaku apabila hakmilik adalah persendirian dan tertakrif dengan jelas. Berdasarkan hakikat ini, adalah tidak sukar untuk menggambarakan kebenaran teorem Coase; yakni harta (atau sumber) akan tertakluk kepada pertukaran dan agihan darinya akan membawa kepada penggunaan sumber yang optimum.<sup>17</sup>

Ternyata bahawa institusi hakmilik Islam adalah tersendiri dan ianya berbeza dari institusi hakmilik persendirian kapitalis. Implikasi dari institusi hakmilik Islam ini ialah wujudnya sistem pertukaran ekonomi pasar, dan oleh kerana struktur dan pengaturan institusi di antara keduanya berbeza, pasar bebas di bawah sistem ekonomi Islam tidak semestinya serupa dengan pasar bebas sistem ekonomi kapitalis. Bagaimana, walaupun tak serupa, kedua-duanya mempunyai ciri-ciri persamaan yang banyak. Pasar bebas Islam juga adalah keputusan dari kebebasan menukar hakmilik persendirian ke atas harta; perjalanan pasar, yakni kegiatan pertukaran, adalah juga tertakluk kepada individu memaksimumkan pilihan dari pilihan-pilihan yang terbuka. Cuma, oleh kerana struktur institusi yang berbeza maka pilihan-pilihan yang terbuka adalah berbeza di antara kedua-dua pasar bebas ini.

Harus juga diingat bahawa pasar bebas implikasi dari institusi hakmilik Islam itu mungkin hanyalah berkaitan dengan pengagihan sumber-sumber persendirian. Pengagihan sumber-sumber hakmilik bersama tidak semestinya juga tertakluk kepada melalui mekanisme pasar ini. Soal bagaimana sumber-sumber jenis ini patut diagihkan dan apakah implikasinya terhadap pasar bebas itu merupakan isu-isu yang penting dan menarik. Bagaimanapun, ianya tidak akan disentuh di sini.

### PASAR BEBAS ISLAM DAN EKONOMIMIKRO

Telah ditunjukkan bahawa institusi hakmilik Islam menentukan bahawa takrif ke atas hakmilik harta persendirian adalah jelas dan boleh dilaksanakan (cuma, tinggal lagi, tiada masyarakat yang benar-benar melaksana dan menguatkuasakannya). Malah telah juga ditunjukkan bahawa institusi hakmilik persendirian Islam ini menyokong pembentukan suatu pasar bebas. Sementara itu, ekonomimikro adalah berhubungan dengan penjelasan terhadap

gelagat unit-unit ekonomi (pengguna, firma atau sebagainya) membuat keputusan di dalam masyarakat yang dicirikan oleh sesuatu institusi ekonomi tertentu; ianya khusus merujuk kepada masyarakat di mana hakmilik persendirian adalah jelas tertakrif dan dipertahankan (atau didukung) oleh anggota masyarakat tersebut, atau, ringkasnya, ekonomimikro merujuk kepada suatu sistem ekonomi pasar. Berdasarkan hakikat ini, adalah jelas ekonomimikro di dalam sistem ekonomi Islam adalah berkaitan.

Telah juga ditunjukkan bahawa institusi hakmilik persendirian Islam dan seterusnya pasar yang terbentuk adalah berbeza daripada institusi dan pasar sistem ekonomi kapitalis, yakni dari mana pembentukan ekonomimikro kini dirujuk. Sehubungan ini satu persoalan timbul; yakni, apakah dengan perbezaan yang ada, ianya memerlukan pendekatan ekonomimikro yang berbeza terhadap sistem ekonomi Islam. Persoalan ini merupakan satu persoalan pokok yang menarik. Kebanyakan penulis Islam menolak pendekatan ekonomimikro kini. Mereka memberikan pendekatan alternatif yang dikatakan lebih sesuai untuk sistem ekonomi Islam. Bahagian ini, merupakan perbincangan secara berbanding kesesuaian di antara kedua-dua pendekatan konvensional dan pendekatan alternatif yang disyorkan oleh penulis-penulis Islam tersebut.

Soal kesesuaian pendekatan adalah penting kepada satu-satu kajian ekonomi. Pendekatan yang sesuai bukan sahaja diperlukan untuk menjamin pembentukan teori ekonomi yang sempurna dalam ertikata teori boleh menjelaskan dan meramalkan kelakuan-kelakuan ekonomi yang benar-benar berlaku, bukannya yang patut berlaku, juga berupaya memberi penjelasan implikasi-implikasi sebenar sesuatu sistem ekonomi. Harus diingat bahawa di dalam melihat, misalnya, bagaimana harga yang mengikut kuasa-kuasa pasar boleh membawa keharmonian di antara rencana-rencana dan keputusan-keputusan individu dalam satu sistem, maka usaha memperolehi jawapan terhadap soalan ini sebenarnya merupakan mempersoalkan implikasi dari struktur sistem ekonomi berkenaan, atau dalam hal ekonomimikro khususnya, implikasi dari struktur hakmilik persendirian sistem berkenaan. Jadi kesesuaian pendekatan ekonomimikro terhadap sistem ekonomi Islam adalah perlu untuk menghasilkan teori ekonomimikro yang sempurna. Ianya juga perlu di dalam melihat kesempurnaan atau keistimewaan institusi hakmilik Islam itu sendiri.<sup>18</sup>

Memudahkan kegiatan dan kelakuan ekonomi yang kompleks itu kepada bentuk yang boleh dicirikan oleh beberapa unsur tertentu, dan membuat andaian-andaian tertentu, yang mungkin tidak dengan tepat menggambarkan keadaan sebenar dunia nyata

tentang unsur-unsur ini, adalah perkara biasa di dalam pembentukan teori; dan teori ekonomimikro juga tidak ketinggalan. Kesempurnaan satu-satu teori diukur mengikut sejauh mana teori tersebut berupaya memberi gambaran sebenar kelakuan ekonomi yang berlaku dan membuat ramalan yang tepat implikasi dari kelakuan ekonomi tersebut, walaupun, dalam hal ini, ketepatan andaian juga tidak dinafikan pentingnya. Di dalam usaha membentuk teori ekonomimikro Islam, unsur-unsur tertentu ekonomimikro, seperti barangan, andaian kewarasan unit-unit ekonomi dan pengkaedahan analisis, selalunya dipersoalkan. Dalam hal ini, kadang-kadang konsep yang trivial selalunya diberi untuk memudahkan analisis yang dipersoalkan. Bagaimanapun, secara umum, beberapa aspek penting dapat disimpulkan. Konsep barangan yang dikemukakan hanyalah meliputi barang-barang yang suci — barang yang halal penggunaan dan cara perolehannya. Mengenai kewarasan unit-unit ekonomi pula, ianya selalunya ditakrif sebagai kewarasan yang patut dimiliki oleh setiap unit ekonomi ini. Unit-unit ekonomi diperlukan supaya bersifat 'salih' dalam ertikata harus dikaitkan dengan sifat-sifat orang yang beriman yang perangnya sempurna pada pandangan Islam.<sup>19</sup> Konsep kewarasan yang difahamkan di sini adalah satu kebenaran hakiki bukannya andaian terhadap kewarasan individu atau unit-unit ekonomi yang gelagatnya dikaji.

Di dalam pengkaedahan analisis, bagaimanapun, boleh dianggap sebagai mewakili unit-unit ekonomi salih berusaha memperolehi 'falah'<sup>20</sup> yakni kejayaan di dunia dan akhirat. Pendekatan sebegini menjamin model ekonomimikro berbentuk masalah pengoptimuman; walaupun yang dimaksudkan di sini ialah optimum keredaan Tuhan. Unit ekonomi, dalam hal ini, dianggap sebagai memilih daripada alternatif-alternatif yang terbuka, alternatif yang difikirkan tertinggi di segi peluang memperolehi faedahnya di akhirat. Pengguna memilih rencana penggunaan yang tertinggi pahalanya sementara firma memilih rencana pengeluaran yang menghasilkan keuntungan tertinggi di akhirat. Optimum hal akhirat boleh berbeza dari optimum hal dunia dan kemungkinan kedua optimum bertindih adalah juga diakui. Malah jika ditinjau dari hakikat bahawa 'salih' merupakan hubungan berfungsi hal akhirat kepada hal dunia maka unit-unit ekonomi ini sebenarnya mengoptimumkan perkara yang sama. Meminimumkan kos pengeluaran satu barang yang berguna adalah sama, misalnya, dengan memaksimumkan 'untung' akhirat oleh kerana perbuatan demikian berupa penggunaan optimum (tidak membazir) sumber-sumber kejadian Tuhan — perbuatan yang dianjurkan oleh agama.

Adalah jelas dari perbincangan di atas, pendekatan analisis

dan seterusnya pendekatan ekonomimikro sedemikian tidak boleh dinafikan keupayaannya membentuk suatu teori ekonomimikro. Bagaimanapun, harus ditekankan bahawa keupayaan membentuk teori dan kesempurnaan teori yang dibentuk adalah dua hal yang berasingan. Kesempurnaan teori ekonomimikro adalah berkait dengan keupayaan teori-teori tersebut menjelaskan kelakuan ekonomi dan meramalkan implikasi dari kelakuan ini di dalam satu-satu masyarakat. Adalah tidak sukar untuk menerima sebagai kebenaran bahawa teori ekonomimikro dari pendekatan ini boleh menjelaskan kelakuan-kelakuan dan meramal implikasi darinya apabila setiap unit-unit ekonomi di dalam masyarakat adalah memenuhi syarat-syarat 'salih' yang ditetapkan. Ini adalah kerana pilihan-pilihan yang terbuka mengikut pendekatan ini ditentukan oleh pilihan (atau citarasa) unit ekonomi itu sendiri; pilihan-pilihan yang terbuka akan dengan sendirinya tidak terkandung pilihan yang bercanggah dengan sifat salih setiap unit ekonomi ini. Peristiwa ekonomi seterusnya boleh dijelaskan berdasarkan individu mengoptimumkan pilihan dari pilihan-pilihan yang terbuka ini. Akan tetapi, keadaannya berbeza apabila dalam masyarakat tidak semua anggotanya salih. Jika terdapat sebilangan unit ekonomi yang bersifat begini maka, oleh kerana pilihan terbuka ditentukan oleh pilihan atau citarasa golongan ini, akan terdapat pilihan atau alternatif yang tidak selari dengan sifat-sifat kewarasan yang digunakan untuk membentuk teori. Dengan itu, peristiwa-peristiwa ekonomi yang lahir dari pilihan-pilihan sekumpulan yang 'tidak waras' ini adalah tidak tertakrif oleh teori ekonomimikro yang dibentuk. Dalam keadaan ini teori yang dihasilkan oleh pendekatan ini adalah kurang sempurna.

Satu pendekatan lain melihat konsep kewarasan sebagai satu hipotesis, bukan satu kebenaran hakiki. Waras adalah sifat suatu unit ekonomi yang mewakili. Jika terdapat di dalam masyarakat sebilangan unit-unit ekonomi salih dan sebilangan lagi tidak, maka sifat waras ini masih boleh mewakili sifat-sifat umum kedua-dua golongan ini. Untuk itu perhatikan sifat waras berikut:

1/ Unit ekonomi menimbang kesemua alternatif (atau pilihan) yang terbuka kepadanya, menggunakan apa-apa maklumat yang ada akan menimbang kemungkinan akibat dari alternatif-alternatif tersebut.

2/ Berdasarkan kemungkinan akibat darinya, unit ekonomi mengatur alternatif-alternatif ini mengikut tertib keutamaan (order of preference) dan memilih alternatif yang tertinggi keutamaannya.

Sifat waras di atas ternyata cukup umum dan lebih hampir dengan pengertian hari-hari. Gelagat waras dalam ertikata di atas lebih

merupakan sifat manusia sejagat; tidak mengira sama ada unit tersebut memenuhi syarat salih ataupun tidak. Al-Quran menyebut (yang bermaksud);<sup>21</sup>

“Dan sesungguhnya dia (manusia) itu ganas (bakhil) kerana sayangkan hartanya”.

(100: ayat 8)

“Yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitungnya”.

(104: ayat 2)

Manusia itu adalah semulajadi sayangkan harta dan mencari jalan memperolehi kepuasan yang maksimum. Sementara itu, di dalam menggambarkan orang-orang yang salih al-Quran menyatakan, yang bermaksud:

“Dan orang-orang yang apabila berbelanja (hartanya) mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak pula kikir, tetapi adalah (perbelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian”.

(25: ayat 67)

Mengguna (sumber) dengan cara yang tidak berlebih-lebihan dan tidak pula terlalu berkurang-kurangan adalah membayangkan suatu tahap penggunaan yang optimum. Unit ekonomi yang memegang prinsip demikian adalah sebenarnya memaksimumkan keutamaan (*preference*) apabila tahap penggunaan terhadap sesuatu alternatif adalah optimum. Dalam kes ini juga, sifat waras adalah berkait dengan memilih dari alternatif-alternatif terbuka, alternatif yang memberikan kesan maksimum di segi keutamaan.

Berdasarkan andaian sifat waras sedemikian, pendekatan analisis akan secara otomatis berbentuk masalah-masalah pengoptimuman; yakni unit ekonomi, baik sesuatu pengguna atau suatu firma, sebagai suatu unit pembuat keputusan, memaksimumkan keutamaan masing-masing tertakluk kepada kekangan-kekangan tertentu yang salah satu daripadanya ialah berupa pilihan-pilihan yang terbuka.

Pendekatan yang baharu dibincangkan adalah serupa dengan pendekatan ekonomimikro konvensional; keupayaannya membentuk teori ekonomi tidak seharusnya dipertikaikan. Bagaimanapun perihal yang menarik dan patut ditekankan di sini ialah pendekatan yang serupa ini, apabila dikenakan kepada sistem ekonomi yang berlainan struktur hakmiliknya, tidak semestinya membawa kepada kesamaan di segi teori ekonomimikro yang dihasilkan. Ini adalah kerana teori ekonomimikro adalah dibentuk dari masalah pengoptimuman ke atas set alternatif-alternatif yang berbeza. Set alternatif yang terbuka adalah ditentukan oleh struktur institusi hakmilik persendirian yang bagi Islam dan kapitalis adalah berbeza. Konsep barang-barang adalah berbeza. Di dalam Islam, barang-barang yang jelas haram di segi penggunaan dan perolehannya

adalah terkeluar dari takrif hakmilik; oleh itu tidak tergolong di dalam set alternatif-alternatif yang terbuka. Sementara itu, di satu segi yang lain, pengaturan institusi seperti peraturan urusaniaga, peraturan mengenai harta nominal (tabungan wang misalnya tidak boleh menerima pulangan dalam bentuk kadar bunga) dan berbagai lagi, menentukan alternatif yang terbuka di dalam sistem hakmilik persendirian Islam, apabila dikuatkuasakan, adalah tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Pengaturan institusi kapitalis adalah berbeza sehingga set alternatif yang terbuka juga berbeza. Pengoptimuman ke atas set yang berbeza ini memerlukan penyelesaian yang berkemungkinan berbeza, dan seterusnya teori-teori ekonomimikro yang wujud tidak semestinya serupa.

Seperkara lagi yang menarik perhatian ialah melihat pendekatan ini secara perbandingan dengan pendekatan yang diambil oleh kebanyakan penulis Islam. Diperhatikan bahawa pendekatan yang baharu dibincangkan ini membawa implikasi bahawa institusi hakmilik persendirian Islam khususnya, dan sistem ekonomi Islam umumnya, adalah sudah cukup sempurna untuk menjamin berlakunya peristiwa-peristiwa ekonomi yang selari dengan kehendak-kehendak umum Islam. Sistem ini adalah dianggap lengkap dalam ertikata boleh berlaku 'apa yang patut berlaku' walaupun unit-unit ekonomi di dalam sistem bukan kesemuanya merupakan unit-unit yang unggul.<sup>22</sup> Ini bertentangan dengan pendekatan terdahulu yang seolah-olah tidak percaya akan kesempurnaan sistem ekonomi Islam, atau khususnya sistem hakmilik persendirian Islam; adalah masih diperlukan unit-unit ekonomi yang unggul untuk memperolehi suasana ekonomi yang unggul.

### PENUTUP

Adalah diakui bahawa hakmilik persendirian adalah prasyarat sesuatu pasar bebas; tidak akan wujud pasar bebas jika tidak wujud dan tertakrif rapi institusi hakmilik persendirian. Keadaan ini menimbulkan satu kesimpulan yang kurang tepat: Apabila timbul satu keadaan buruk dari suatu sistem ekonomi pasar maka akan dikaitkan sebagai suatu kelemahan sistem hakmilik persendirian. Karl Marx, misalnya, mengaitkan kelemahan-kelemahan seperti wujudnya eksploitasi kaum buruh sebagai satu kelemahan besar semulajadi kepada hakmilik persendirian. Oleh itu mengikut beliau hakmilik harta tidak patut dijadikan persendirian. Kebenaran pandangan ini diragukan bukan sahaja kerana sistem hakmilik persendirian juga mempunyai beberapa kelemahan tetapi juga oleh kerana pandangan tersebut adalah berdasarkan anggapan yang salah terhadap pasar bebas dan hakmilik persendirian. Eks-



ploutasi buruh, pemusatan kuasa ekonomi di sesuatu kelas masyarakat sebenarnya tidak kena mengena dengan institusi hakmilik persendirian secara umum; ianya hanya berkaitan dengan institusi hakmilik persendirian kapitalis, dan hanya di segi penguatkuasaan institusi hakmilik persendirian ini. Di dalam institusi hakmilik kapitalis penguatkuasaan ditentukan oleh kos institusi. Jika sekiranya kos institusi adalah cukup tinggi di dalam menakrif hakmilik dan melaksanakan pengaturan-pengaturan institusi maka hakmilik persendirian dan penguatkuasaan ke atas pengaturan-pengaturan institusi akan dengan sendirinya gugur. Harus diingat lagi, bahawa di dalam sistem ini individu yang sifatnya lebih mementingkan faedah diri sendiri lebih dari faedah umum, adalah penentu kepada wujudnya penakrifan pelaksanaan hakmilik. Kegagalan di segi penakrifan dan penguatkuasaan di dalam hakmilik kapitalis inilah yang menyebabkan timbulnya kelemahan-kelemahan sebagaimana yang didakwa oleh pendukung-pendukung sistem ekonomi komunis atau sosialis; hakmilik persendirian itu sendiri bukan puncanya. Bagi institusi hakmilik persendirian Islam keadaannya berlainan. Penguatkuasaan hakmilik dan penakrifannya bukan ditentukan berdasarkan kos semata-mata; sebahagian besar, yang ternyata tidak sesuai ditentukan oleh pilihan individu, terletak kepada peraturan perundangan sistem nilai Islam yang bukan hanya tugas individu menjamin pelaksanaannya; negara, dalam kebanyakan hal, wajib melaksana dan menguatkuasakan.

Adalah juga diakui bahawa agihan pendapatan kepada sumber tidak akan sama jika hakmilik adalah persendirian. Hal ini tidak perlu dipersoalkan, pengagihan tidak akan sama bagi sebarang jenis hakmilik. Sistem ekonomi Islam mengakui hakikat ini: pasar bebas tidak menjamin agihan yang berbentuk pulangan yang sama terhadap sumber atau individu. Walaupun demikian, pasar bebas menjamin pulangan yang adil. Memandang kepada hakikat ini memperbaiki ketidaksamaan ekonomi tidak seharusnya mengganggu sistem pasar bebas. Akan tetapi ia berupa pengagihan semula hak ke atas sumber atau 'endowment' dalam mana Islam mempunyai peraturan-peraturan tersendiri. Kesahihan pendekatan ini jelas jika dilihat bahawa hak ke atas pendapatan, dalam ertikata mudah, adalah mutlak sedangkan hak ke atas tabungan (*endowment*), sebahagiannya, adalah tidak mutlak; masyarakat (orang-orang miskin yang memerlukan) juga berhak ke atas sebahagian dari tabungan ini, sekurang-kurangnya sebahagian minimum yang ditentukan oleh zakat.

## NOTA

<sup>1</sup> Lihat misalnya Khaf (1982), Naqvi (1981) dan M. Ariff (1982), m.s. 2.

<sup>2</sup> Tidak dinafikan bahawa suasana ekonomi, di dalam keadaan yang melampau, mungkin juga mempengaruhi moral kelakuan; 'kemiskinan itu hampir kepada kekufuran', akan tetapi ini adalah suatu pengecualian. Apa yang ditekan di sini (Lihat Naqvi (1981), m.s. 18) ialah apabila diberi suatu keadaan ekonomi, etika adalah petunjuk kepada kelakuan-kelakuan ekonomi.

<sup>3</sup> Khaf (1982) m.s. 15.

<sup>4</sup> Steven N. S. Cheung, 'Will China Go Capitalist', m.s. 33.

<sup>5</sup> Al-Quran (2: 29) yang bermaksud:

"Dialah (Allah) yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu . . . . ."

<sup>6</sup> Maksud al-Quran (67: 15):

"Dialah (Allah) yang menjadikan bumi tunduk kepadamu (manusia), maka berjalanlah di atas bumi dan nikmati segala pemberian dan yang (Allah) kurniakan".

Lihat juga al-Quran (14: 32-34).

<sup>7</sup> Cummins, Hossein Askari dan Ahmad Mustafa, "Islam and Modern Economic Change" di dalam Esposito (1980) m.s. 36.

<sup>8</sup> Lihat juga al-Quran (4: 7).

<sup>9</sup> Afzul-ar-Rahman (1974), m.s. 65, menganggap keinginan individu memiliki harta secara persendirian adalah sifat semulajadi; adalah wajar ianya diambilkira. Beliau juga berpendapat bahawa hakmilik persendirian merangsang usaha setiap individu menambah usaha dan seterusnya meninggikan tingkat ekonomi masyarakat. Adalah tidak adil jika individu berusaha untuk kepentingan masyarakat sedangkan pulangan untuk dirinya sendiri tidak setimpal dengan usaha tersebut.

<sup>10</sup> Hadis Bukhari; dipetik dari Afzul-ar-Rahman, m.s. 64.

<sup>11</sup> R.H. Coase, 'The Nature of The Firm', 1937, m.s. 386-405.

<sup>12</sup> Kapitalisma yang dimaksudkan ialah satu sistem ekonomi yang sekurang-kurangnya terdapat ciri-ciri berikut: (1) hakmilik harta persendirian, (2) terdapat banyak harta terkumpul pada segolongan tertentu dan (3) unit-unit ekonomi bebas memperoleh faedah ekonomi dari sebarang kegiatan dan motif keuntungan kewangan memainkan peranan penting di dalam kehidupan ekonomi.

<sup>13</sup> Rasulullah diriwayatkan sebagai bersabda "Semua individu berkongsi air, api, tumbuh-tumbuhan dan garam". Lihat Khaf (1982), m.s. 64.

<sup>14</sup> Hadis Bukhari dan Muslim "Apabila suku al-Ahs'ariyin kekurangan makan di perjalanan ke medan perang, atau bila mereka di dalam satu bandar dan mereka kekurangan bekalan, mereka mengumpul apa yang mereka ada dan membahagikan secara sama rata di kalangan mereka. Mereka adalah umatku (umat Muhammad S.A.W) dan aku (Rasulullah) menyebelahi mereka". Dipetik dari Kahf (1982) m.s. 61.

<sup>15</sup> R.H. Coase, "The problem of Social Cost", 1960

Lihat juga Cheung, "Will China Go Capitalist?" m.s. 36.

<sup>16</sup> Islam menggalakkan apabila berbelanja terhadap harta hendaklah jangan terlalu berlebihan dan jangan pula terlalu kikir. Ini jelas menggambarkan keperluan untuk berbelanja (terhadap penggunaan atau pengeluaran) secara optimum. Begitu juga galakan Islam supaya individu meninggalkan harta warisan; sumber seharusnya tidak diguna secara boros untuk kepentingan generasi kini, malah patut ditinggalkan juga kepada generasi akan datang.

<sup>17</sup> Dalam ertikata memberi kepuasan optimum kepada setiap individu.

<sup>18</sup> Kebanyakan perbandingan adalah dalam bentuk melibat implikasi sistem apabila anggota di dalam sistem adalah unggul bagi sistem ekonomi Islam berbanding dengan pengamatan (atau yang telah berlaku) di negara-negara kapitalis.

<sup>19</sup> Muhammad Arif (1984), misalnya, mengesyorkan model ekonomi di mana manusia 'taba'ay (pengertian taba'ay lihat Arif, m.s. 69) sebagai mewakili.

<sup>20</sup> Lihat Muhammad Arif (1984) m.s. 71.

<sup>21</sup> Lihat juga al-Quran (17: 100), (70: 19-21) dan (100: 6).

<sup>22</sup> Pandangan ini juga selaras dengan pengertian bahawa Islam, dan sistem ekonomi yang dikemukakannya, adalah sesuai untuk semua umat.

#### RUJUKAN

- Ariff, M. 1984. "Towards Establishing the Microfoundations of Islamic Economics: The Basis of the Basics". *The Islamic Quarterly*, 28.
- Ariff, M. ed. 1982. *Monetary and Fiscal Economics of Islam*.
- Barrett, N.S. 1974. *The Teori of Microeconomic Policy*, Heath.
- Cheung, Steven N.S. *Will China Go Capitalist? An Economic Analysis of Property Rights and Institutional Change*, L.E.A.
- Coase, R.H. 1937. "The Nature of the Firm", *Economica*.
- Coase, R.H. 1960. "The Problem of Social Cost", *Journal of Law and Economics*.
- Esposito, J.L. ed. 1980. *Islam and Development*, Syracuse University Press.
- Gravelle, H and R. Rees. 1981. *Microeconomics*, Longman.
- Kahf, M. 1981. "The Economic Views of Ibn Taimeyah". *Al-Ittihad*, July/September.
- Kahf, M. 1982. *Ekonomi Islam*, alihbahasa dan suntingan Ismail Muhd. Salleh dan Mansor Jusoh, Perkim.
- Naqvi, Syed Nawab Haider, 1981. *Ethics and Economics An Islamic Synthesis*, The Islamic Foundation.
- Afzal-ur-Rahman, 1974. *Economic Doctrines of Islam*, Islamic Publication Ltd. (Lahore).
- Weiss, R. 1969. *The Economic System*, Random House.

